

06 NOV 2002

Downer-Malaysia/I

DOWNER PERTAHANKAN TINDAKAN GELEDAH RUMAH ORANG ISLAM

Oleh: Neville d'Cruz

MELBOURNE, 6 Nov (Bernama) -- Menteri Luar Australia Alexander Downer hari ini mempertahankan tindakan agensi keselamatan negara itu yang mengeledah kediaman masyarakat Islam dan menolak dakwaan Malaysia bahawa negara itu tidak selamat untuk orang Islam.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata bahawa Australia, khususnya tidak selamat untuk orang Islam kerana berkemungkinan rumah mereka digeledah agensi keselamatan.

Dr Mahathir juga mengkritik Australia dan Amerika Syarikat kerana mengeluarkan nasihat perjalanan ke negara-negara Asia Tenggara ekoran pengeboman di Bali.

Semasa di Kemboja, tempat beliau menghadiri Sidang Kemuncak Asean Kelapan semalam, Dr Mahathir berkata Australia dan Amerika Syarikat juga terdedah kepada keganasan.

Downer berkata kritikan Malaysia terhadap Australia bukan perkara baru.

"Saya tidak akan memberi respons kepada kenyataan itu kecuali begini: seperti yang diketahui, serbuan ini dilakukan kerana Jemaah Islamiah sudah diharamkan kerana disenaraikan sebagai pertubuhan pengganas oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu," katanya kepada Radio ABC (Australian Broadcasting Commission).

"Dan saya menghargai hakikat bahawa Malaysia membantu menyenaraikan Jema'ah Islamiah dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai pertubuhan pengganas dan saya memperakui hakikat bahawa kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan tegas ke atas anggota Jema'ah Islamiah dan dalam banyak kes, menangkap dan menahan mereka mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia."

"Jadi apa yang dilakukan oleh Australia di sini adalah memastikan 19.5 juta penduduk di sini berada dalam keadaan paling selamat. Dan orang yang dimasukkan dalam senarai pertubuhan pengganas yang diharamkan oleh PBB dan Australia, atau jika mereka terbabit dalam pertubuhan itu, saya berpendapat kita wajar menyiasat," katanya.

Downer berkata Australia perlu memberi keutamaan kepada keselamatan penduduknya.

"Maksud saya kita tidak boleh mengabaikan maklumat mengenai kemungkinan serangan pengganas, termasuk terhadap orang Barat," katanya.

"Kami perlu mengutamakan keselamatan rakyat kami. Mereka jangkakan kita akan berbuat demikian. Dan bayangkan akibatnya jika kami cuai dalam melaksanakan tanggungjawab dengan memutuskan untuk tidak memberikan mereka amaran mengenai bahaya itu," kata Downer.

-- BERNAMA

NDC ZS AAM LAT